



ABDUL Hadi (dua dari kiri) memeriksa perbarisan peserta PLKN Cancun Park, Pasir Mas.

Brunei contohi modul PLKN

Pasir Mas: Malaysia menjadi negara perintis yang mewujudkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang bukan bertujuan menyerap pelatuhnya dalam bidang ketenteraan berbanding negara lain di dunia.

Berikutan itu, Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) Datuk Abdul Hadi Awang Kecil berkata, PLKN yang berjalan sejak 11 tahun sudah menjadi contoh kepada negara lain termasuk Brunei yang turut mewujudkan program sama sejak dua tahun lalu.

Katanya, di Brunei, kerajaannya menjalankan

Program Khidmat Bakti Negara Brunei yang menggunakan modul seperti PLKN iaitu mewujudkan semangat cintakan kepada negara.

"Brunei mencontohi program ini kerana berjaya melahirkan golongan muda yang mempunyai semangat patriotik kepada negara dan berjiwa kental.

"Mereka (kerajaan Brunei) sebelum mewujudkan program ini mendapat khidmat dari negara kita iaitu dari segi pembelajaran dan kandungan modul program," katanya pada sidang media selepas Majlis Jasamu Dikenang Peringkat Zon G di Kem PLKN Cancun Park di sini, semalam.

Beliau berkata, PLKN berjaya melahirkan 800,000 bekas pelatih dan untuk mengeratkan kembali hubungan antara pelatih, JLKN menubuhkan Briged Suka-relawan Khidmat Negara (BSKN).

"Kita juga meneruskan program PLKN ini di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menerusi program Briged yang memberi empat kredit kepada pelajar untuk tiga tahun pengajian.

"Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi perintis kepada program ini dan akan diteruskan kepada IPTA lain dalam masa terdekat," katanya.